

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

RUJUKAN : 10356

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah cadangan penyelesaian Kementerian untuk membantu warga negara Malaysia yang masih belum mempunyai dokumen kad pengenalan dan sijil lahir kerana kekurangan maklumat dan sebab-sebab teknikal yang lain yang melibatkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai agensi yang mengawal selia pendaftaran sivil di Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab untuk memastikan dokumen keselamatan seperti Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan dikeluarkan hanya kepada individu yang berkelayakan mengikut perundangan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, JPN sentiasa proaktif dalam memastikan pendaftaran dapat dilaksanakan dengan mudah oleh semua kaum dan lapisan masyarakat yang berkelayakan khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh JPN adalah seperti berikut:

- (i) Program *Outreach*);
- (ii) Unit *Mobile*;
- (iii) Bas *Mobile*; dan
- (iv) pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).